

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
KAWASAN : KUALA KRAI
TARIKH : 08 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN NO. 19

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan adakah pihak kementerian mempunyai perancangan untuk menyelesaikan masalah laluan FT008 di Simpang Empat Laloh yang berbahaya dan sering terdedah dengan kemalangan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian amat mengambil berat akan isu keselamatan jalan raya khususnya di Jalan Persekutuan seluruh negara. Bagi maksud tersebut dan sebagai langkah jangka pendek, Kementerian ini melalui Program Menaiktaraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya di bawah skop kerja merawat dan memperelok lokasi kerap berlaku kemalangan, akan mengenal pasti dan memperbaiki lokasi kerap berlaku kemalangan (blackspots) di jalan Persekutuan untuk mengurangkan kemalangan yang disebabkan oleh faktor kejuruteraan jalan.

Untuk rekod, pemberian blackspots yang telah dilaksanakan di jalan-jalan Persekutuan seluruh negara dalam Rancangan Malaysia ke-11 iaitu sebanyak 113 lokasi dari tahun 2017 hingga 2019. Manakala pada tahun 2020 pula, sebanyak 50 lokasi disasarkan untuk dibaik pulih yang menjadikan keseluruhan lokasi sebanyak 163 lokasi. Pemberian ini bersifat low cost solution but high impact (dengan izin).

Berkenaan dengan lokasi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai iaitu di persimpangan Simpang Empat Laloh, yang berada di Laluan Persekutuan FT008, di seksyen 295.00, ia tidak termasuk di dalam senarai lokasi blackspots.

Namun begitu, semakan bersama dengan pihak JKR Jajahan Kuala Krai, dimaklumkan bahawa persimpangan ini telah ditambahbaik dengan ciri-ciri keselamatan pada tahun 2019 dengan menyediakan ghost island (skid red hatching), speed breaker (rumble strip), mengecat semua garisan jalan, menurap semula permukaan jalan dengan kaedah turapan secara Cuplump Modified Ashalpt (CMA) dan menyediakan papan tanda amaran berkaitan sebelum menghampiri persimpangan tersebut.

NO SOALAN : 19

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pemantauan akan terus dilaksanakan pada setiap masa oleh pihak Kementerian dan Jabatan Kerja Raya di kawasan blackspots yang telah dibuat rawatan disamping mengenalpasti lokasi-lokasi baharu blackspots diseluruh negara termasuklah di Negeri Kelantan.

Sekian, terima kasih.